

# Buletin UniSZA

ISSN 2180-0235 | APRIL 2015 | BIL 15



**BANJIR**-UniSZA Dekati Masyarakat

## Pengurusan Tertinggi

Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim  
Naib Canselor

Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan dan Pembangunan)

Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Madya Nordin Jusoh  
Pendaftar

Prof. Madya Ariza Ibrahim  
Bendahari

Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd. Ghadas  
Penasihat Undang-undang

## Sidang Pengarang

Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh  
Penerbit UniSZA

Dr. Bahyah Abdul Halim  
Penerbit UniSZA

Dr. Muhamad Fazil Ahmad  
Fakulti Sains Sosial Gunaan

Dr. Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

En. Cornelius Anuar Abdullah McAfee  
Pusat Penataran Ilmu

En. Mohd Shahrizal Nasir  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Zarizal Suhaili  
Fakulti Biosumber dan Industri Makanan

Pn. Sharifah Mursalina Syed Azmy  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Mohamad Shahril Abdul Hamid  
Pn. Zurina Mansor  
Penerbit UniSZA

En. Kaswadi Yusoff  
Jurufoto  
Unit Komunikasi Korporat dan Antarabangsa

Cik Nurul Aizam Ab Rahim  
Setiausaha  
Penerbit UniSZA

## Sumber dan Penyumbang Bahan

1. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
2. Pej. Timb. Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
3. Fakulti Informatik dan Komputeran
4. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
5. Pusat Pembangunan Holistik Pelajar
6. Pusat Pengajian Siswazah
7. Pusat Teknologi Maklumat
8. Pusat Keusahawanan
9. Pusat Pelajar Antarabangsa
10. Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
11. Pejabat Pendaftar
12. Pusat Sukan
13. Pusat Kualiti Akademik dan E-Pembelajaran
14. Unit Komunikasi Korporat dan Antarabangsa
15. Prof. Madya Dr. Javeed Shaikh Mohammed,  
Pensyarah FRTK
16. Dr. Bahyah Abdul Halim, Timb. Pengarah Penerbit  
UniSZA

Hak Cipta Terpelihara © 2015. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin. Hak Cipta © 2015  
Pengarah, Penerbit UniSZA,  
Universiti Sultan Zainal Abidin,  
Kampus Gong Badak,  
21300 Kuala Terengganu,  
Terengganu, MALAYSIA.  
Tel: 09-668 8774/8775 Faks: 09-668 7867  
Laman Web: <http://www.penerbit.unisia.edu.my>



## Kandungan

Utama	4
Malim Sarjana	7
Seminar/Bengkel/Kursus/Mesyuarat	11
Tokoh	18
Rencana	20
Pencapaian	24
UniSZA Bersama Komuniti Setempat	28
UniSZA dan Hubungan Antarabangsa	34
Sukan dan Ko-Kurikulum	38



Tahun 2014 menjadi tahun mendukacitakan bagi negara Malaysia. Pelbagai musibah ujian Allah s.w.t. diturunkan dalam memastikan masyarakat Islam di Malaysia terus tabah serta reda menerimanya.

Penghujung tahun 2014, negeri-negeri di Pantai Timur khususnya, dilanda banjir besar yang dahsyat sehingga menenggelamkan kebanyakan daerah di Pantai Timur. Negeri Kelantan dan Pahang antara dua negeri yang teruk terjejas banjir gelombang kedua selain Terengganu.

Menyahut saranan Perdana Menteri Malaysia agar pihak universiti terutama mahasiswa sama-sama meringankan tulang membantu mangsa yang terjejas banjir, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menerusi

Naib Canselor, Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim mempergiatkan usaha membantu mangsa banjir terutama di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Ini dibuktikan apabila pihak UniSZA turut menyalurkan bantuan hasil sumbangan universiti sebanyak RM100,000 kepada mangsa banjir serta membina sepuluh tandas kekal di Tumpat, Kelantan di samping bantuan barang keperluan dan perubatan.

UniSZA menggerakkan sukarelawan universiti yang terdiri daripada kakitangan serta mahasiswa secara berperingkat pada setiap masa sehingga misi berakhir.

### Misi Pertama: Memberi Bantuan

Pada peringkat awal, seramai 40 orang sukarelawan dari UniSZA telah menyertai Misi Bantuan Banjir ke negeri yang dilanda banjir.

Menurut Naib Canselor UniSZA, misi bantuan banjir tertumpu di negeri Kelantan sebelum ke destinasi yang lain. "Kumpulan pertama telah ke Pengkalan Chepa, Kelantan bagi menghulurkan bantuan seperti keperluan diri, makanan, pakaian dan perubatan seperti yang diputuskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Kita juga membawa pasukan paramedik dari Pusat Perubatan UniSZA untuk membuat pemeriksaan dan menyediakan bantuan bekalan ubatan kepada mangsa selain tiga buah bot, tiga buah lori serta empat buah kenderaan pacuan empat roda bagi memudahkan pergerakan membawa mangsa banjir."

Tambahnya lagi, paramedik UniSZA telah berjaya menyelamatkan seorang ibu yang bersalin di samping membantu membawa mangsa banjir untuk bergerak dengan menggunakan bas.

"Sukarelawan UniSZA telah ditempatkan di Pusat Latihan PGA Pengkalan Chepa untuk bermalam dan berehat. Kita juga mendapat kerjasama daripada pihak hospital dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

"Sementara itu, satu pasukan lagi membantu mangsa banjir di Kemaman dengan membawa bantuan perubatan, makanan, keperluan diri serta dua buah bot untuk kemudahan mangsa yang memerlukan," katanya lagi.

## Misi Kedua: Bekerjasama Hulur Bantuan

Pelbagai pihak termasuk orang perseorangan, pertubuhan, syarikat perniagaan dan institusi pengajian tinggi (IPT) terus menggerakkan usaha membantu mangsa banjir yang berdepan dengan kesukaran bagi memulihkan kehidupan.

Ini termasuklah UniSZA yang menjalankan operasi misi bantuan di Kelantan dan Terengganu dengan penglibatan 50 sukarelawan dalam tiga pasukan termasuk perubatan dan pasukan tindakan kecemasan.

Pengarah operasi misi bantuan UniSZA yang juga merupakan Pendaftar UniSZA, Encik Nordin Jusoh berkata

misi dilakukan secara berperingkat dengan kumpulan misi kedua ke Kemaman.

“Bagi misi kedua, kita juga membawa pasukan paramedik dari Pusat Perubatan UniSZA untuk membuat pemeriksaan kesihatan selain menjalankan kerja-kerja membantu memulihkan kawasan penempatan,” katanya.

Misi ke Kemaman melibatkan pergerakan dua buah lori, tiga buah kenderaan pacuan empat roda dan dua buah bot bersama 50 sukarelawan.

## Misi Ketiga: Meringankan Beban Mangsa Banjir

Pada awal tahun 2015, Pasukan Sukarelawan UniSZA yang meneruskan misi bantuan banjir ke daerah Tumpat, Kelantan memberi tumpuan kepada pembinaan tandas dan membersihkan kediaman penduduk yang terjejas teruk akibat bencana itu.

Naib Canselor berkata, seramai 80 sukarelawan yang terdiri daripada kakitangan UniSZA termasuk pengurusan tertinggi, pegawai, pasukan perubatan, pengawal keselamatan dan pekerja awam menyertai misi ini.

“Misi ketiga ini bertujuan membantu dan mengurangkan beban yang ditanggung oleh mangsa banjir di daerah Tumpat selepas banyak kediaman musnah dan rosak,” jelas beliau ketika ditemui.

Menurut beliau, sukarelawan UniSZA membina sepuluh buah tandas kekal serta membaiki dan membersihkan rumah penduduk yang rosak dan kotor akibat bencana banjir.

Katanya, pasukan sukarelawan turut membawa lebih 50,000 bekalan makanan seperti beras, bahan mentah dan air minuman untuk diedarkan kepada mangsa banjir selain menghantar pasukan perubatan untuk memeriksa kesihatan penduduk selepas terlibat dengan banjir. Tambah beliau lagi, bantuan yang diberikan itu juga adalah hasil kutipan daripada warga UniSZA.

Pasukan sukarelawan UniSZA berkampung di Tumpat selama tiga hari dan ditempatkan di Pusat Gerakan Am (PGA) Pengkalan Chepa yang turut memberi kerjasama dalam misi bantuan terbabit.

“Ini adalah misi ketiga selepas misi bantuan kali pertama dan kedua telah diberikan di kawasan yang terbabit banjir iaitu Pengkalan Chepa, Kelantan dan Kemaman, Terengganu,” katanya yang turut menyertai misi bantuan berkenaan.

## Misi Keempat: Membersihkan Sekolah

Sifat belas serta ringan tulang ditunjukkan oleh kakitangan kolej kediaman yang terdiri daripada pengurus asrama, penolong pengurus, penyelia dan pembantu awam dengan turun padang menyertai sukarelawan Misi Bantuan Banjir di Kelantan.

Misi bantuan yang turut disertai oleh staf dari beberapa Pusat Tanggungjawab (PTj) yang lain dan juga mahasiswa dari Kampus Tembila, Besut ini adalah kesinambungan daripada tiga misi bantuan yang telah dilancarkan sebelum ini.

Empat misi bantuan banjir yang telah dilancarkan sebagai tanda keprihatinan UniSZA kepada mangsa banjir diharap dapat membantu dan meringankan beban penduduk yang terjejas akibat banjir.

Misi bantuan banjir peringkat keempat ini mensasarkan Sekolah Kebangsaan Dabong yang terjejas teruk. Banjir yang melanda telah mengakibatkan sekolah ini ditenggelami air sehingga ke tingkat satu bangunan. Jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung akibat daripada kerosakan bangunan, perabot dan peralatan elektrik tidak dapat dihitung. Sukarelawan UniSZA telah dibahagikan kepada

dua kumpulan dengan sebahagian sukarelawan yang terdiri daripada mahasiswa Kampus Tembila ditugaskan untuk membersihkan bangunan sekolah manakala sebahagian lagi membersihkan bangunan asrama.

Dalam program ini, sukarelawan UniSZA bersama beberapa jabatan lain antaranya Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu (SUK), Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) dan Majlis Daerah Setiu (MDS) telah sedaya upaya membersihkan bangunan sekolah dan asrama yang dipenuhi lumpur.

Berdepan dengan situasi ketiadaan bekalan air bersih, sukarelawan UniSZA telah mengambil inisiatif mengepam air dari sungai berhampiran bagi tujuan kerja pembersihan.

Mendepani persekitaran berlakunya banjir ini cukup menimbulkan keinsafan dalam diri tentang kebesaran Allah s.w.t. menguasai dan mentadbir alam ini. Ada ketikanya alam ini subur dan cuaca berkeadaan baik. Namun, kadang kala akan terjadi bencana alam yang mengakibatkan cuaca tidak menentu, mengundang bahaya pada nyawa, memusnahkan harta benda dan tidak kurang juga mengakibatkan urusan harian tergendala.

## UniSZA Belajar daripada Pengalaman



Peranan mahasiswa dalam membantu komuniti serta merasai permasalahan masyarakat dapat dipupuk dalam penyertaan badan sukarelawan. Elemen sukarelawan dalam menjalankan kerja-kerja bakti dan berbentuk bantuan tenaga amat diperlukan dalam diri mereka agar menjadi insan berguna.

Pembabitan aktif dalam kerja sebegini amat perlu kerana pada suatu hari nanti mereka mungkin akan terbabit dalam mengendalikan pengurusan krisis dan bencana dalam organisasi.

Sebelum ini, warga universiti dikejutkan dengan kejadian banjir yang berlaku di kampus Universiti Malaysia Terengganu dan UniSZA pada November 2014, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada Jun 2014 dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia pada penghujung tahun 2006.

Musibah banjir yang telah berlaku terutama di UniSZA banyak mengajar kakitangan serta mahasiswa supaya lebih peka terhadap bencana yang berlaku di sekeliling. Justeru banjir besar yang melibatkan negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia mengundang keprihatinan warga UniSZA.

Tragedi banjir yang melanda Pantai Timur khususnya negeri Kelantan telah mendapat perhatian pelbagai pihak termasuk sebahagian besar daripada PTJ UniSZA. Bagi

tujuan tersebut, satu tabung derma kilat telah dilancarkan di peringkat PTJ bagi memberi sumbangan awal kepada mangsa-mangsa banjir di negeri yang terjejas. Wakil-wakil misi bantuan setiap PTJ telah mengedarkan bantuan keperluan asas pasca banjir ke Manek Urai, Kuala Krai dan beberapa kawasan lain yang terjejas teruk.

Susulan daripada banjir yang melanda Kelantan pada penghujung tahun 2014, Unit Pembangunan Hospital Universiti (UPHU) juga tidak melepaskan peluang untuk menjalankan misi kemanusiaan bantuan banjir ke Kelantan pada 22 dan 24 Disember 2014. Barang-barang keperluan telah berjaya disampaikan terus kepada mangsa-mangsa banjir di Kampung Kuala Nal (Kuala Krai), Kampung Sat dan Kampung Belimbang (Tanah Merah).

Seterusnya, wakil dari Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) turut berganding bahu bagi meringankan beban mangsa-mangsa banjir di sekitar kawasan terjejas. Pada tanggal 8 Januari 2015, pasukan sukarelawan FSSG telah mengadakan program membantu mangsa-mangsa banjir di Kuala Krai, Kelantan. Seramai 80 orang termasuk mahasiswa Program Kerja Sosial dan kakitangan FSSG terlibat dalam misi pembersihan di kawasan Sekolah Menengah Kebangsaan Laloh, Kuala Krai. Program ini adalah

dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni yang turut berbesar hati memberi sumbangan sebanyak RM1,200. Misi program ini telah berjalan dengan lancar atas sokongan dan nasihat daripada Dekan FSSG, Prof. Dr. Haji Lukman @ Zawawi Mohamad.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad dan beberapa orang kakitangan UniSZA telah mengadakan lawatan ke kediaman keluarga pelajar dan kawasan sekitar yang terlibat dengan banjir di Kelantan dalam Misi Jejak Kasih 2015. Misi ini bertujuan melawat dan menyampaikan bantuan daripada pihak universiti bagi meringankan beban yang ditanggung oleh keluarga pelajar. Program ini berupaya memupuk budaya kesukarelawanan dalam kalangan warga UniSZA, seterusnya memberi impak positif kepada kecemerlangan holistik UniSZA.

Pada 17 Januari 2015, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) ke Kelantan bagi menjelaki pelajar UniSZA yang menjadi mangsa banjir di jajahan Tanah Merah serta membersihkan kediaman sebahagian penduduk di kawasan tersebut. Seramai 23 orang kakitangan diketuai oleh Dekan FBK, Prof. Madya Dr. Mohd Nazri Latiff Azmi. Pada misi kali ini juga, bantuan seperti makanan, pakaian dan barang keperluan asas lain diedarkan kepada mangsa-mangsa banjir di kawasan Tanah Merah.

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) turut serta menjayakan misi bantuan kemanusiaan pasca banjir UniSZA di Pulai Gorek, Tumpat, Kelantan. Pihak UniSZA telah menyerahkan wang tunai berjumlah RM5,000 kepada FKI sebagai sumbangan bagi menjayakan misi ini. Sumbangan dalam bentuk makanan, barang keperluan harian dan peralatan pembersihan telah diserahkan oleh Dekan FKI, Prof. Madya Dr. Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali kepada wakil penduduk kampung.

# Isu Standard Operating Procedure (SOP) dalam Mitigasi Banjir

Oleh: Zarizal Suhaili, Pensyarah Fakulti Biosumber dan Industri Makanan

Pada 9 hingga 10 Disember 2014, bertempat di Dewan Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan) Y. Bhg. Prof. Dr. Haji Mohd Ekhwan Haji Toriman telah menyampaikan ucaptama dalam *Persidangan Kebangsaan Bencana Banjir; Realiti dan Tindakan*, yang dianjurkan oleh Majlis Profesor Negara (MPN). Persidangan yang dirasmikan oleh Pengarah Persidangan Kebangsaan Banjir, Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Ahmad Darus telah dihadiri oleh 150 orang peserta, terdiri daripada pegawai-pegawai agensi, jabatan kerajaan dan NGO. Sejumlah lapan kertas kerja telah dibentangkan dalam persidangan ini serta dua sesi perbincangan selari. Pembentangan resolusi pula disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Agung, MPN, Y. Bhg. Prof. Dr. Kamaruddin Mohd Said.

Ucaptama yang disampaikan bertajuk *Isu SOP dalam Mitigasi Banjir*. Beliau telah memulakan ucapannya dengan merakamkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. dan memetik ayat al-Quran daripada surah al-Haaqqah ayat 11 hingga 12 bermaksud:

*“Sesungguhnya ketika air banjir itu melampau-lampau limpahannya, Kami telah damparkan kamu dengan selamat di dalam bahtera (Nabi Nuh) itu. Agar dengan itu Kami jadikan peristiwa tersebut sebagai teladan bagi kamu. Dan untuk didengar serta diambil ingat oleh telinga orang yang mahu menerima pengajaran.”*

Pembentangan kertas ucaptama ini menyentuh konsep asas bencana dan risiko banjir, iaitu kejadian yang dahulunya bersifat semula jadi bertukar kepada kesan domino antropogenik yang meningkatkan magnitud dan kekerapan banjir di Malaysia. Beberapa contoh bencana banjir terkini juga dibincangkan dengan mengambil kira faktor dan isu di sebalik bencana berkisarkan kontrak sosial yang termaktub, sindrom mati pucuk dan *tunnel vision* yang kerap memesongkan agenda sebenar pengurusan banjir mapan. Hala tuju pengurusan bencana banjir yang lebih efektif perlu dipadankan dengan tindakan dasar daripada kerajaan termasuk penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat, insurans dan penswastaan sebagai antara agenda utama keberkesanan



pengurusan bencana banjir pada masa hadapan.

Dalam perspektif ini, beliau melihat peristiwa banjir besar sebagai satu daripada manifestasi kesombongan manusia yang enggan menuruti perintah Allah s.w.t.. Hal ini telah banyak dijelaskan dalam kitab-kitab tafsir. Namun yang amat menarik perhatian beliau sebagai seorang ahli hidrologi sekitaran ialah mengapa Allah s.w.t. memerintahkan nabi Nuh a.s. membuat bahtera? Mengapa tidak dibina empangan bagi menampung lebihbanjir di pertemuan Sungai Tigris dan Mesopotamia? Sedangkan sesetengah riwayat menyatakan bahawa nabi Nuh a.s. mengambil masa beberapa tahun untuk membina bahtera. Keupayaan nabi Nuh a.s. dan pengikutnya membina bahtera yang dianggap hebat dan canggih ini cukup mengingatkan beliau bahawa banjir dari satu aspek merupakan bencana dan bala yang ditimpakan oleh Allah s.w.t. kepada manusia yang ingkar. Pada masa yang sama, peristiwa ini mengajar kita bahawa nabi Nuh a.s. melalui perintah Allah s.w.t. berjaya mendepani bencana banjir menerusi pembinaan bahtera, bukan pembinaan struktur seperti empangan dan sebagainya. Kehebatan nabi Nuh a.s. yang beliau yakin bukan sahaja seorang nabi dan rasul tetapi turut mempunyai kemahiran menentu ukur dan mereka bentuk kapal, menentu anggaran muatan per kadar apungan kapal, malah kekuatan dan halaju air banjir adalah rahsia di sebalik peristiwa ini yang perlu dikaji dan diselidik oleh kita semua.

Beliau juga melontarkan beberapa persoalan antaranya, adakah dalam konteks sekarang ini banjir dianggap sebagai bala atau bencana? Beliau membiarkan perkara ini dibahaskan oleh mereka yang layak, tetapi mengambil ikhtiar daripada peristiwa banjir, tanah runtuhan dan banjir lumpur yang semakin berleluasa akibat campur tangan manusia. Maka, jelas seperti Allah s.w.t. berfirman dalam surah ar-Ruum, ayat 41 bermaksud:

*“Telah timbul pelbagai kerosakan di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”*

## 8 Malim Sarjana

Seterusnya, beliau juga berkongsi pandangan berkaitan fenomena dan trend semasa banjir yang melanda Malaysia, khususnya di Pantai Timur yang telah mengubah landskap fizikal kawasan yang terlibat. Menurut beliau, skala kekuatan banjir yang dianggarkan melebihi sekali dalam tempoh 100 tahun ternyata tidak mampu bagi mana-mana skim tebatan banjir di Malaysia yang ampuh dalam menangani situasi bencana sebegini. Fenomena *New Moon* yang kebetulan berlaku pada musim monsun berkadar tinggi dengan kelajuan angin pada 50 hingga 60 km/jam diikuti peningkatan aras air laut (3-5.5 meter) menyebabkan impak berganda di kawasan ini. Seperti yang dicatatkan di Stesen Hujan di Gua Musang, tiga hari berturut-turut, iaitu pada 21 hingga 23 Disember 2014 telah mencatatkan taburan hujan tertinggi sebanyak 1,295 mm yang bersamaan dengan taburan hujan bagi 64 hari. Ini merupakan rekod terbaharu jumlah curahan hujan di Malaysia.

Menurut Y. Bhg. Prof. Dr. Haji Mohd Ekhwan lagi, sebagai sebuah negara maritim, Malaysia sudah pasti akan berhadapan dengan bencana ini saban tahun. Kajian beliau terhadap trend banjir di Malaysia memberi petunjuk yang agak membimbangkan apabila magnitud banjir yang boleh mencapai tahap bencana semakin kerap semenjak 20 tahun kebelakangan ini. Jika dahulu kejadian banjir sekali bagi tempoh kekuatan 50 tahun adalah amat sukar terjadi. namun kini, hampir setiap tahun negara berhadapan dengan fenomena banjir bermagnitud besar. Jadual 1 menunjukkan kepada kita semenjak tahun 2004 hingga 2009, negara telah menghadapi banjir besar sebanyak 27 kali, jika mengambil kira kejadian banjir yang berlaku pada tahun 2013 dan 2014. Hal ini bermakna hampir 30 kali kejadian banjir besar telah melanda Malaysia. Tidakkah ini suatu trend yang membimbangkan? Adakah berlaku suatu perubahan besar terhadap jumlah hujan yang melanda Malaysia atau ia disebabkan oleh perubahan guna tanah daripada perhutanan kepada pertanian dan pembangunan yang tidak mesra alam sekitar? Seperti yang berlaku di Kelantan pada bulan Disember 2014 yang lalu, jelas menunjukkan jumlah hujan yang luar biasa menentukan faktor utama yang menyebabkan banjir besar di kawasan Gua Musang sehingga ke Manik Urai dan Kuala Krai. Jumlah hujan yang pada mulanya ‘tidak masuk dek akal’ ini jelas semakin kerap berlaku. Begitu juga seperti yang berlaku di Kuantan, Pahang pada tahun 2013. Jumlah hujan yang dicatatkan ialah pada kadar 300 mililiter dalam tempoh 18 jam menyebabkan seluruh Bandaraya Kuantan lumpuh.

Jadual 1. Trend banjir besar di Malaysia 2004 hingga 2009


BIL	TARIKH	TEMPAT
<b>Tahun 2004</b>		
1	3 November	Melaka
2	5-11 November	Selangor
3	8-16 Disember	Terengganu
<b>Tahun 2005</b>		
1	17-20 Disember	Perlis
2	17-26 Disember	Kedah
3	17-20 Disember	Kelantan
4	17-26 Disember	Terengganu
<b>Tahun 2006</b>		
1	11-14 Februari	Pahang
2	11-15 Februari	Terengganu
3	11-13 Februari	Kelantan
4	26 Februari	Shah Alam
5	21-23 Oktober	Perlis
6	21 Disember	Melaka
7	21 Disember	Johor
<b>Tahun 2007</b>		
1	11 Januari-4 Februari	Johor
2	10-12 Jun	Kuala Lumpur
3	17-20 September	Kedah
4	22 Julai	Kedah Pulau Pinang
5	5-12 Januari	Sabah
<b>Tahun 2008</b>		
1	16-20 Februari	Sabah
2	6-9 September	Kedah
3	25-26 November	Perak
4	29 November–1 Disember	Kelantan, Terengganu dan Pahang
<b>Tahun 2009</b>		
1	23-24 Januari	Sabah
2	29 Januari-5 Februari	Sarawak
3	2 Mac	Negeri Sembilan
4	6-9 November	Perlis, Terengganu dan Kelantan




Ketika kita cuba untuk menguruskan lebihan air hujan ini daripada terus mengalir ke kuala, aktiviti manusia memang jelas menyumbang impak besar kepada bencana banjir. Ketidakupayaan air menyerap masuk ke dalam tanah telah membentuk air larian yang menyebabkan keupayaan saliran dan sungai berada pada tahap maksimum. Lihatlah apa yang terjadi di Cameron Highlands dalam kejadian banjir lumpur pada tahun 2013 dan 2014. Data daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) menganggarkan kira-kira 200,000 m<sup>3</sup> sehingga 300,000 m<sup>3</sup> mendapan sedimen terpaksa dikorek di Tasik Ringlet bagi memastikan operasi penjanaan tenaga dapat dijalankan secara optimum. Dari manakah mendapan ini terhasil? Tentu sahaja daripada aktiviti pertanian dan pembukaan tanah yang tidak terancang. Natijahnya, bukan sahaja pihak TNB yang mengalami kerugian, tetapi juga masyarakat dan alam sekitar secara keseluruhan.

Beliau turut menzahirkan kegusaran iaitu semasa kita sibuk menumpukan sepenuh usaha mengurangkan masalah banjir lumpur di kawasan Ringlet, terdapat satu lagi lembangan jiran yang seakan menjadi ‘bom jangka’ sekiranya tiada langkah mitigasi dan penguatkuasaan dilaksanakan. Lembangan Sungai Belatok, mengalir masuk ke Lembangan Sungai Kelantan turut mengalami nasib yang sama seperti Lembangan Sungai Ringlet dan Bertam. Beliau juga berkongsi peta guna tanah yang dihasilkan oleh pelajar Ijazah Doktor Falsafah beliau iaitu Saudara Wan Adli Wan Ramli bagi menunjukkan perubahan guna tanah yang ketara. Semakin banyak kawasan hutan diubah ke kawasan kebun sayur-sayuran pada tahun 2010 berbanding litupan hutan sepenuhnya pada tahun 1990 (Rajah 1). Trend ini lama-kelamaan akan mengubah landskap Lembangan Belatok kepada pertanian sepenuhnya. Jika keadaan ini tidak dikawal, ia sudah pasti menjaskan keseimbangan ekosistem di kawasan berkenaan.

PETA GUNA TANAH KAWASAN KAJIAN TAHUN 1990



PETA GUNA TANAH KAWASAN KAJIAN TAHUN 2010



Rajah 1. Profil hutan 1990 berubah kepada pelbagai guna tanah pada tahun 2010 di Lembangan Sungai Belatok.  
(Sumber: Wan Adli, 2015)



Dalam aspek pengurusan pra dan pasca bencana banjir, isu-isu makro melibatkan perubahan iklim dan aktiviti antropogenik telah banyak diperkatakan dalam media massa. Kita tidak hairan jika selepas ini isu mengenai banjir dan pasca banjir akan lenyap tanpa sebarang tindakan susulan. Beliau menyifatkan hal ini sebagai kebobrokan institusi moral dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Dalam kes banjir lumpur di Cameron Highlands misalnya, kehadiran pemimpin-pemimpin tertinggi negara termasuklah Sultan Pahang jelas masih tidak memberikan kesan mendalam kepada kepincangan pengurusan tanah di sini.

"Inilah apa yang saya sebut sebagai sindrom hangat-hangat tahi ayam yang hanya bergegar di peringkat awal tetapi selepas beberapa ketika, isu ini bakal dilupakan sehingga berlakunya bencana pada tahun hadapan," ujar Y. Bhg. Prof. Dr. Haji Mohd Ekhwan.

Di kala episod hangat-hangat itu juga, ramai yang menunding jari kepada orang lain. Pihak pekebun menyalahkan pentadbir tanah, pihak penduduk menyalahkan pihak TNB tanpa ada satu penyelesaian menyeluruh. Menurut beliau, budaya ini sebagai budaya *tunnel vision* yang hanya melihat satu kejadian adalah sebagai penyebab kepada satu kejadian lain. Kes banjir lumpur di Cameron Highlands merupakan impak daripada penglibatan semua merangkumi pemaju, petani, pentadbir tanah dan masyarakat yang tidak cakna terhadap kepentingan alam sekitar. Penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh beliau di Cameron Highlands

turut melihat faktor 'wan sik' sebagai budaya yang turut menyumbang kepada pembukaan kawasan pertanian haram di tempat ini. Bayangkan peneroka-peneroka Bangladesh yang asalnya pekerja ladang diberi kepercayaan oleh tauke ladang untuk membuka kawasan pinggiran yang akhirnya merebak menjadi satu kawasan pertanian yang lebih luas.

Walau bagaimanapun, pengurusan lembangan secara holistik perlu dipertingkatkan. Meletakkan tanggungjawab ini kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) sahaja bukanlah satu tindakan yang bijak. Ramai yang mempertikai keberkesanan MKN dalam mengurus pasca banjir seperti yang berlaku di Kelantan baru-baru ini. Beliau turut akur, banyak kelemahan di sana sini terutama dalam konteks penyampaian maklumat, pengurusan mangsa banjir, pergerakan sukarelawan, keperluan asasi yang tidak mencukupi serta tuntutan ganti rugi yang sehingga kini masih sukar dicapai. Namun, sumbangan MKN dalam konteks ini tidak boleh disangkal. Cuma kita mungkin tidak bersedia dengan bencana banjir tersebut yang sebenarnya di luar jangkaan dan kemampuan kita.

Beliau berharap pada masa akan datang, proses tadbir urus untuk mengurangkan ketirisan serta penguatkuasaan undang-undang sedia ada bagi meningkatkan nilai integriti dalam kalangan pegawai yang diberi amanah perlu diberi perhatian serius. Kita mungkin tidak boleh menahan air hujan yang turun dari langit. Namun kita boleh mengurus lebihan air ini dengan lebih efisien melalui pengurusan air bersepadu. Melalui cara ini, manusia dan alam sekitar boleh hidup dengan harmoni.

## Bengkel Asas Pengurusan Pejabat

Pejabat Pendaftar UniSZA dengan jayanya telah menganjurkan Bengkel Asas Pengurusan Pejabat Kumpulan Pelaksana UniSZA Siri I yang bertempat di Hotel Grand Continental pada 26 hingga 27 Januari 2015.

Tujuan utama kursus ini diadakan adalah untuk mendedahkan asas-asas pengurusan pejabat yang berkualiti di samping meningkatkan kemahiran dan pengetahuan setiap staf UniSZA. Selain itu, kursus ini juga bertujuan untuk melatih staf UniSZA supaya memiliki kemahiran berbahasa yang sesuai kerana ia mencerminkan kualiti kerja dan nama baik UniSZA. Perkara yang ditekankan dalam kursus ini ialah berkaitan dengan pengurusan pejabat seperti penulisan surat rasmi dan memo, kertas kerja, laporan, minit mesyuarat, pengurusan fail dan pengurusan kewangan jabatan.



Kursus kali ini melibatkan seramai 57 orang peserta yang terdiri daripada staf sokongan dari pelbagai PTJ. Majlis ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pendaftar UniSZA, Encik Mohammed Ismail. Perjalanan kursus ini diteruskan oleh para penceramah jemputan yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang berpengalaman dari UniSZA.

Secara kesimpulannya, para peserta sangat berpuas hati dengan bengkel yang diadakan pada kali ini. Mereka mendapat pelbagai input yang penting daripada penceramah-penceramah untuk dijadikan rujukan dan panduan dalam menjalankan tanggungjawab sebagai staf UniSZA.

## Bengkel Kerjaya Perunding Kewangan Islam

Pada tanggal 18 hingga 20 Disember 2014, Koperasi Siswa UniSZA dengan kerjasama Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan telah mengadakan Bengkel Lanjutan Kerjaya Perunding Kewangan bersama MAA Takaful yang disampaikan oleh penceramah Tuan Haji Raman Md Yasin. Seramai 28 orang peserta telah menyertai bengkel tersebut.

Program ini dianjurkan khusus untuk para pelajar yang berminat dalam bidang kewangan Islam. Modul program ini adalah lebih menjurus kepada cara penggunaan wang dengan betul.



Melalui maklum balas para peserta, mereka amat berpuas hati dengan pengajuran bengkel yang diadakan di Semugi Agro Resort, Kuantan. Para peserta juga berharap pihak Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan UniSZA agar terus mengadakan program seperti ini kerana ia memberi manfaat kepada setiap mahasiswa.

Program ini memberi impak yang positif kepada para peserta dan dapat dianjurkan pada masa akan datang.

# Bengkel Surviving Law



Fakulti Undang-Undang, Perakaunan dan Hubungan Antarabangsa (FLAIR) telah mengadakan Bengkel Surviving Law kali keempat yang telah berlangsung pada 17 hingga 18 Disember 2014 bertempat di Blok Othman, UniSZA, Kampus Gong Badak melibatkan 62 orang pelajar diploma semester 1 2014/2015.

Bengkel ini bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar

tentang kaedah pembelajaran yang berkesan khususnya dalam bidang perundangan. Di samping itu, program ini turut memupuk semangat kerjasama berkumpulan serta mengeratkan ukhuwah sesama pelajar dan pensyarah. Bengkel ini dibahagikan kepada enam slot dan telah dirasmikan oleh Timbalan Dekan (Akademik dan Siswazah), Dr. Abdul Majid Tahir Mohamed. Beliau menegaskan bahawa setiap program yang dianjurkan oleh pihak fakulti adalah untuk kebaikan pelajar.

Bengkel ini dikendalikan oleh beberapa pensyarah pengajian undang-undang iaitu Puan Farhanin Abdullah Asuhaimi, Cik Nur Amani Pauzai, Puan Khairun Nisaa Asari dan Puan Maheran Makhtar. Mereka



dibantu oleh 15 orang fasilitator dari kalangan pelajar diploma tahun akhir.

Antara pengisian program ini ialah slot *Mind-Mapping* iaitu para peserta diajar cara untuk membuat peta minda bagi memudahkan mereka memahami subjek yang dipelajari. Para peserta turut dide dahukan dengan kaedah pembelajaran yang lebih interaktif seperti menjawab kuiz spontan dan sesi perbincangan Hati ke Hati.

Secara keseluruhannya, program ini memberi manfaat kepada para peserta. Program seumpama ini diharapkan dapat meningkatkan semangat pelajar untuk berjaya.

## iSpring Bantu Hasilkan e-Kandungan Berkualiti

Selari dengan perkembangan memperkasa e-Pembelajaran di universiti di Malaysia yang digariskan oleh Pelan Strategik Kementerian Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN), Pusat Kualiti Akademik & e-Pembelajaran (AQEL), UniSZA telah mengadakan Bengkel Pembangunan Courseware Pengajaran & Pembelajaran menggunakan perisian *iSpring*.

Bengkel yang diadakan pada 18 Januari 2015 di Makmal Perpustakaan, UniSZA Kampus Gong Badak telah dikendalikan oleh Prof. Dr. Sidek Hj. Ab. Aziz dari Jabatan Fizik, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia. Bengkel ini menekankan penghasilan dokumen e-kandungan yang mantap dan berkualiti.

Selain itu, ia juga bertujuan memberi pendedahan kepada peserta tentang konsep e-kandungan dan pembangunan courseware pengajaran dan pembelajaran. Para peserta dilatih menggunakan *iSpring* untuk membangunkan e-kandungan dan courseware yang berkualiti.



Bengkel selama tiga hari yang dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, YBhg. Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad dihadiri oleh dekan-dekan fakulti, Penyelaras Kualiti Akademik, penyelaras dan peserta *Massive Open Online Course (MOOC)*.

Menerusi bengkel ini para pensyarah dapat menghasilkan *Open Educational Resources (OER)* bagi e-kandungan kursus yang akan dimuat naik ke dalam *Open Courseware (OCW) Consortium*. Bengkel ini merupakan langkah persediaan dalam membangunkan *MOOC* di peringkat universiti.

# Ramah Mesra Pelajar Siswazah UniSZA Bersama TNC (A&A)

Satu Majlis Ramah Mesra Pelajar Siswazah bersama Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa telah diadakan pada 22 November 2014 bertempat di Dewan Perdana, UniSZA Kampus Gong Badak. Kehadiran para pelajar siswazah UniSZA yang mewakili pelbagai bidang pengajian amat memberangsangkan termasuk pelajar antarabangsa. Pihak pengajian majlis ini amat berbesar hati dengan kesudian Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Y.Bhg. Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad untuk hadir bagi memeriahkan majlis. Turut hadir dalam majlis ini adalah semua Dekan fakulti UniSZA.

Dekan Pusat Pengajian Siswazah (PPS), Prof. Dr. Mustafa Mamat dalam ucapan aluananya dan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak serta melahirkan rasa syukur atas kejayaan pengajian majlis ini. Beliau turut menjelaskan bahawa PPS sekarang ini telah memasuki era baharu dengan pertambahan bilangan pelajar siswazah secara drastik terutama dari kalangan pelajar antarabangsa hasil daripada pelbagai bentuk promosi yang telah diusahakan oleh pihak pengurusan tertinggi universiti.

Dalam pertemuan ringkas dan meriah ini, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa telah menyampaikan ucapan yang sarat dengan kata-kata nasihat dan motivasi. Beliau turut menjelaskan satu fenomena baharu dan persekitaran antarabangsa bagi siswazah UniSZA pada masa kini diharap dapat memberi impak positif kepada kejayaan para pelajar siswazah dalam bidang masing-masing.



Para hadirin juga tidak melepaskan peluang untuk berinteraksi dengan beliau. Segala permasalahan dan persoalan yang dikemukakan oleh para pelajar telah mendapat respons yang baik dan positif daripada beliau. Semua pelajar berpuas hati dengan pengajian majlis ini.



## Kursus Motivasi dan Pengukuhan Kerja Berpasukan Kakitangan UniSZA

Unit Latihan Jangka Pendek, Pejabat Pendaftar telah berjaya menganjurkan dua kursus khas iaitu Kursus Motivasi dan Pengukuhan Kerja Berpasukan Kakitangan yang diadakan pada 14 hingga 16 Disember 2014 dan Kursus Orientasi bagi kakitangan baharu pada 21 hingga 23 Disember bertempat di Peladang Setiu Agrotourism & Resort, Terengganu.

Seramai 43 orang peserta yang terlibat dalam kursus Motivasi dan Pengukuhan Kerja Berpasukan, merangkumi Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Sokongan I (Bukan Akademik) Gred 27- 41 UniSZA. Kursus Orientasi staf baharu pula melibatkan semua 57 orang staf yang mula berkhidmat pada tahun 2014.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memperkasa staf universiti dengan kepimpinan dan jati diri dalam membangunkan pemimpin yang dihormati dan disegani. Selain itu, para peserta perlu mempelajari kemahiran memimpin secara berkesan dan positif untuk kepimpinan diri, organisasi mahupun komuniti. Para kakitangan juga diharap mampu menyumbang kepada pembentukan sistem tadbir urus universiti dengan

baik dalam membina sebuah pasukan supaya dapat bekerja dalam suasana positif sekaligus mampu menghasilkan kepimpinan yang unggul dan cemerlang.

Kursus ini telah dirasmikan oleh Pengarah Keselamatan UniSZA, Encik Ismail Ahmad yang mewakili pihak Pendaftar. Perjalanan majlis telah diteruskan dengan aktiviti-aktiviti yang dikemudi oleh Penolong Pendaftar Kanan Pejabat Naib Canselor UniSZA iaitu Encik Termizi Ab. Aziz dan penceramah dari Maktab Rendah Sains MARA, Encik Azhar Yaakob. Para peserta sangat teruja dengan aktiviti-aktiviti dan ceramah yang disampaikan oleh kedua penceramah yang berpengalaman ini.



# Syarahan Akademik Anjuran FLAIR

Fakulti Undang-Undang, Perakaunan dan Hubungan Antarabangsa (FLAIR), telah menganjurkan empat siri syarahan akademik pada bulan Disember 2014 yang lalu. Perkongsian yang berkaitan pembelajaran ini memberi peluang kepada para pelajar dan pensyarah undang-undang untuk mendapatkan maklumat serta perkembangan terkini berkaitan undang-undang di Malaysia. Kesemua siri syarahan ini melibatkan para ahli akademik fakulti dan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian.



Syarahan akademik pertama bertajuk *Civil Procedure* berbentuk perbincangan untuk meningkatkan tahap pengajaran dan pembelajaran undang - undang sivil di Malaysia. Program ini telah diadakan pada 4 Disember 2014 dan telah dikendalikan oleh Dato' Zamani Mohamad iaitu pengamal undang-undang di Tetuan Zamani Mohammad & Co.. Beliau menjelaskan bahawa *Civil Procedure* perlu ditekankan kerana ia menetapkan peraturan dan keseragaman prosedur yang dijalankan oleh mahkamah dalam tindakan sivil. Beliau juga menerangkan bahawa *Civil Procedure Act* memuatkan prosedur seawal dari permulaan kepada tuntutan di mahkamah, tindakan, penyampaian dokumen, serta pliding atau pernyataan tuntutan kes.

Syarahan akademik kedua pula bertajuk *Law Practitioners* yang merupakan perbincangan akademik berkenaan tatatertib dan etika pengamal undang-undang di Malaysia. Syarahan yang telah diadakan pada 11 Disember 2014 ini turut membincangkan isu semasa yang dihadapi dalam bidang kerjaya pengamal undang-undang. Syarahan telah disampaikan oleh Dato' Haji Sulaiman Abdullah yang merupakan pengamal undang-undang di Kuala Lumpur dan juga salah seorang Ahli Majlis Peguam Malaysia. Dalam syarahan tersebut, beliau telah berkongsi pengalaman sepanjang bergelar peguam termasuk kes-kes yang pernah dikendalikan.



Harapan dan jangkaan hakim kepada pengamal undang-undang khususnya dalam proses litigasi di mahkamah dibincangkan dalam syarahan akademik berjudul *Judges Expertation of Lawyer*. Syarahan pada 15 Disember 2014 disampaikan oleh Mantan Ketua Hakim Negara, Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi. Syarahan ini menekankan peradaban dan etika yang perlu dipatuhi oleh seseorang peguam semasa berada di dalam dan di luar mahkamah. Perbincangan dengan beliau merupakan pengalaman pembelajaran yang sangat berharga kepada pelajar undang-undang.

Syarahan siri akhir yang dianjurkan pada 16 Disember 2014 pula merupakan satu perkongsian berkaitan pengajaran dan pembelajaran yang memberi peluang kepada para pelajar dan pensyarah undang-undang untuk mendapatkan maklumat serta perkembangan terkini berkaitan *Criminal Procedure Code (Akta Kanun Jenayah)*. Syarahan ini telah disampaikan oleh Datuk Baljit Singh Sidhu iaitu seorang pengamal undang-undang di Kuala Lumpur dan juga merupakan Prof. Adjung FLAIR. Peserta didedahkan dengan prosedur dan panduan untuk mempelajari Akta Kanun Jenayah dengan lebih mudah.





# SUPERB

## Bantu Usahawan Muda

Satu taklimat khas bagi program *Bizz Opportunity and Synergy Squad* (BOSS) dengan visi ‘Ke Arah Mendapatkan Inisiatif Keusahawanan TERAJU’ telah diadakan di Dewan Kuliah Utama (DKU) UniSZA pada 4 Januari 2015. Program tersebut telah mensasarkan penyertaan seramai 98 orang peserta yang terdiri dari kalangan pelajar UniSZA dan masyarakat setempat. Melalui sesi taklimat itu, peserta diberikan penerangan terperinci menerusi Skim Permintaan Usahawan Bumiputera (SUPERB) bawah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU).



## Taklimat keusahawanan **SUPERB** untuk siswa

Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bekerjasama dengan Yayasan Usahawan Baharu (myNEO) mengadakan taklimat keusahawanan mengenai Skim Permintaan Usahawan Bumiputera (SUPERB) bawah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Jabatan Perdana Menteri.

Pengarah Pusat Keusahawanan dan Kehilangan

pasaran Graduan UniSZA, Dr Jamalludin Hesen Idris, berkata pihaknya senang menyambut baik usaha memperkasa bidang keusahawanan, terutama dalam kalangan mahasiswa.

Melalui sesi taklimat itu, beliau berkata, peserta diberikan penerangan terperinci mengenai SUPERB yang boleh membantu usahawan membangunkan

permulaan bisnes-bisnes.

**Sumbatan**  
menyatakan

“Sejuk perbicaraan tentang pemblokir kepada bidang perniagaan yang menjadi kewujaman untuk mencipta pembangunan ekonomi negara.”

“Mereka yang berminat perlu mendulu beberapa syarat kelayakan ditetapkan TERAJU termasuk



berumur 18 hingga 40 tahun ke bawah, memiliki 60 pecahan saham syarikat pengaruh dan pengurusan syarikat ditrajoi oleh bumiputera, dan pem-

uan sudah beroperasi minimum setahun,” katanya.

Beliau berkata, program ini mendapat sambutan mengalakkun daripada

136 peserta dalam kalangan mahasiswa UniSZA, empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (EGET), Dungun dan Akademik Keusahawanan BOSS.

# Program Training of Trainers: Khalifah dan Sains 2014



Pensyarah penyelidik daripada Pusat Pengajian Tamadun dan Pendidikan Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam dan mahasiswa Persatuan Sejarah Tamadun dan Kesusastraan Arab UniSZA telah menganjurkan Program Training of Trainers: Khalifah dan Sains 2014 (TOT-KHALIS 2014). Program ini mendapat kerjasama daripada Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniSZA dan juga IM4U. Seramai 13 orang jurulatih dan 46 orang mahasiswa dari pelbagai jabatan dan fakulti di UniSZA terlibat menjayakan program ini pada 27 hingga 29 November 2014.

Program bertujuan untuk melatih mahasiswa dari segi kepimpinan melalui penghayatan konsep khalifah secara syumul. Ia juga dapat dilihat sebagai satu platform yang baik bagi mahasiswa untuk mengasah dan melatih bakat kepimpinan mereka.

Program yang bertemakan 'Khalifah Wasatiyyah Pemacu Ummah Wasata' ini menyediakan pelbagai modul beserta aktiviti yang menarik yang bertunjangkan tiga tema utama iaitu alam, flora dan fauna serta kemanusiaan sejagat.

Antara aktiviti yang menarik ialah 'Look at Universe', Eksplorasi Gua Komunis, Muhibbah di Perkampungan Orang Asli Suku Temuan, Cakna Gelandangan di Pudu Raya, *GL Factor - the Power of Sixth Sense* dan lain-lain lagi. Modul program ini menggunakan gabungan kaedah *tadabbur* dan *tafakur*; memahami ilmu wahyu dan kemanusiaan.

Modul ini memberi impak terhadap pembangunan sahsiah para peserta secara holistik. Program ini telah membuka minda dan mata hati mereka tentang akauntabiliti, visi dan misi mereka sebagai khalifah Allah.



# Sejenak Bersama

Penasihat Undang-Undang UniSZA

## Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd Ghadas



**Penasihat Undang-undang merupakan satu entiti penting dalam sistem pentadbiran UniSZA. Apakah antara perancangan YBhg. Prof. dalam usaha memperkasa institusi ini sebagai satu tempat rujukan yang berautoriti?**

Penasihat Undang-Undang (PUU) adalah satu jawatan pegawai universiti di bawah Perlembagaan UniSZA dan tertakluk kepada bidang tugas yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU). Salah satu cara untuk menjadikan Pejabat PUU sebagai tempat rujukan bagi warga UniSZA berkaitan isu perundangan, saya memastikan bahawa semua Pegawai Undang-undang di bawah pejabat PUU mempunyai kepakaran untuk memberi nasihat dan menangani permasalahan yang dirujuk kepada pejabat PUU. Buat masa ini Pejabat PUU mempunyai dua orang Pegawai Undang-undang bahagian bidang, iaitu Cik Ahlaam Yusof - Bahagian Kontrak dan Projek Universiti dan Puan Salwani Mahsan – Bahagian Polisi, Tatatertib dan Litigasi. Mereka sentiasa dikehendaki dan diwajibkan untuk menghadiri latihan dan kursus semasa yang dianjurkan oleh Pejabat Peguam Negara dan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan tahap kepakaran mereka meningkat.

Selain daripada memastikan kualiti staf yang tinggi, pejabat PUU juga merancang untuk mengadakan program penerangan berkala kepada semua PTi berkaitan polisi universiti dan undang-undang yang berkaitan dengan mereka bagi memastikan mutu kerja yang berkualiti, betul dan tepat oleh staf UniSZA.

UniSZA adalah sebuah universiti awam yang juga tidak terlepas daripada permasalahan undang-undang melibatkan kakitangan mahupun mahasiswa. Bolehkah YBhg. Prof. kongsikan pengalaman dalam menghadapi cabaran menyelesaikan kes-kes yang melibatkan UniSZA dengan pihak-pihak tertentu?

Sepanjang menyandang jawatan PUU UniSZA, saya mendapati tidak banyak kes perundangan yang serius di UniSZA. Contoh kes yang dihantar kepada pejabat PUU adalah berkaitan kes tata tertib staf dan pelajar serta kes berkaitan kemungkiran kontrak. Kesemua kes yang dirujuk kepada kami diselesaikan mengikut peruntukan di bawah perlembagaan dan statut universiti. Hanya beberapa kes sahaja yang dirujuk kepada pihak peguam untuk tindakan undang-undang di mahkamah.

**Kepentingan dan kepatuhan terhadap Rang Undang-undang Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) merupakan satu isu yang sering diperkatakan dalam konteks institusi pengajian tinggi. Apakah pandangan YBhg. Prof. tentang AUKU dan apakah kaedah terbaik dalam memberi kefahaman yang tepat berkaitan AUKU kepada mahasiswa?**

AUKU merupakan satu akta am bagi pentadbiran sebuah universiti di Malaysia. Peruntukan AUKU secara amnya sangat relevan dengan pentadbiran sebuah universiti. Jika ada isu-isu khas yang perlu ditangani oleh pihak pelajar maka ia perlu dirujuk kepada pihak pentadbiran universiti. Bagi saya,

penerangan tentang AUKU yang dibuat kepada semua pelajar baharu semasa minggu suai kenal sudah memadai untuk menjelaskan peruntukan AUKU dan jika pelajar mengalami masalah tentang perkara ini, maka mereka boleh merujuk kepada pihak pentadbiran universiti, khususnya pejabat HEPA untuk mendapat penjelasan yang lebih terperinci terutama perkara yang berkaitan dengan mereka. Pejabat PUU juga bersedia untuk membantu pelajar yang tidak jelas atau mengalami masalah tentang peruntukan AUKU.

**Apakah wujud jawatankuasa khas berkaitan dengan Undang-undang di Universiti Awam Malaysia?**

Semua UA di Malaysia adalah ahli kepada jawatankuasa –jawantkuasa khas di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sebagai contoh, semua PUU adalah ahli Majlis PUU IPTA di bawah KPM. Majlis ini menyediakan ruang perbincangan bagi isu-isu semasa berkaitan undang-undang dan statut yang terpakai di semua IPTA . Keseragaman bagi perkara- perkara yang berkaitan akan dibawa kepada pihak pentadbiran tertinggi universiti dan Lembaga Pengarah Universiti untuk diguna pakai di semua IPTA.

**Selaku Penasihat Undang-undang UniSZA, apakah nasihat YBhg. Prof. kepada kakitangan dan mahasiswa dalam meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab dalam semua aspek berkaitan perundangan?**

Saya berharap semua staf dan pelajar UniSZA mempunyai pengetahuan tentang perlombagaan dan statut – statut yang terpakai di UniSZA kerana peruntukan – peruntukan dalam perlombagaan dan statut tersebut merupakan asas kepada semua polisi dan kaedah kerja yang terpakai di UniSZA. Pematuhan kepada polisi atau keputusan yang dibuat tanpa berlandaskan peruntukan perlombagaan dan statut universiti adalah tidak sah dan terbatal. Maka jika pekerjaan, keputusan dan aktiviti yang dilakukan di UniSZA tidak mengikut peruntukan yang betul, akan menimbulkan banyak isu perundangan.

Oleh itu saya menyarankan agar semua ketua PTj, penolong pendaftar dan pengurus kelab-kelab pelajar mengambil maklum dan memahami semua peruntukan yang berkaitan dengan mereka sebelum membuat sebarang polisi, keputusan dan menjalankan aktiviti di UniSZA. Pihak pejabat PUU sentiasa bersedia membantu semua pihak di UniSZA yang mengalami masalah tentang isu-isu perundangan.





# Fitnah dalam Penggunaan Laman Sosial

Bahyah Abdul Halim, PhD.  
Penerbit UniSZA  
bahyahahalim@unisza.edu.my

Gambar hiasan

Meneliti tingkah laku masyarakat dewasa ini menampakkan kecenderungan untuk mereka menggunakan laman sosial sebagai wadah perkongsian ilmu, penyebaran maklumat, penyampaian berita, percambahan idea, pemasaran produk perniagaan, pengiklanan dan tidak kurang juga sebagai tempat melontarkan perasaan. Penggunaan laman sosial ini juga tidak hanya terhad kepada golongan muda atau pelajar tetapi turut melibatkan golongan profesional, elitis dan cendekiawan. Terdapat segelintir masyarakat yang gemar berkongsi tentang kehidupan secara terang-terangan dengan pengguna di laman sosial tanpa memikirkan kesannya terhadap orang lain.

Pengguna laman sosial juga kadang kala bertindak keterlaluan apabila memberi komenar terhadap sesuatu isu dengan menokok tambah atau menggunakan kata-kata kesat dalam menyampaikan pandangan. Paradise dan Sullivan (2011) mendapatkan bahawa penggunaan laman sosial memberi kesan negatif terhadap orang muda, teman rapat, rakan-rakan di laman sosial dan pengguna laman sosial lain. Walau bagaimanapun, penggunaan laman sosial mampu membantu meningkatkan tahap kecekapan akademik (Nor et al. 2012; Junco 2011), meningkatkan tahap kegembiraan dan keceriaan (Kim & Lee 2011), meningkatkan kepuasan dalam kehidupan (Ellison et al. 2007; Venezuela et al. 2009) serta membantu dalam meningkatkan harga kendiri individu (Ridings & Gefen 2004).

Bagaimanakah laman sosial boleh membantu dalam membentuk diri individu yang positif? Sekiranya pengguna laman sosial memikirkan setiap tingkah

laku, kata-kata, komentar dan tujuan gambarnya diambil dengan teliti dan penuh hikmah, maka dengan sendirinya setiap yang dilakukannya dalam laman sosial akan mempengaruhi orang lain secara positif. Apabila pengguna laman sosial memastikan setiap perkataan dan perkongsian yang dinukilkan adalah untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kesedaran dalam kalangan pengguna laman sosial yang lain, maka usaha itu adalah murni dan wajar diteruskan. Namun, jika terbit sesuatu yang tidak baik pada *nawaitu* seseorang apabila menulis status atau kata-kata dalam ruangan komentar, maka yang tidak baik itulah akan terus timbul dan berpanjangan.

Laman sosial merupakan ruangan penyebaran fitnah yang amat dahsyat sekiranya ia tidak dikawal rapi oleh tangan-tangan manusia yang menulis komentar. Pada zaman dahulu, penyebaran fitnah hanya berlaku daripada mulut ke mulut, dengar cakap-cakap orang atau khabar angin. Namun pada zaman ini, penyebaran fitnah telah melalui satu fasa yang lebih efisien iaitu melalui laman sosial. Fitnah yang berleluasa bukan sahaja boleh diakses oleh segolongan masyarakat sahaja bahkan ia turut boleh dicapai oleh masyarakat dunia tanpa mengenal latar belakang mahupun keturunan. Antara topik penyebaran fitnah yang sering mendapat perhatian pelbagai lapisan masyarakat adalah berkaitan dengan politik dan hiburan.

Berikut dinyatakan beberapa panduan untuk menjamin keterlibatan penggunaan laman sosial pada tahap yang baik dan tidak mendatangkan masalah dengan pengguna lain:

1. Memastikan kesahihan sesuatu berita yang hendak disampaikan itu adalah benar. Apabila pengguna laman sosial terlalu mudah bersetuju dan terus menerus menyampaikan perkara yang tidak pasti kebenarannya, maka fitnah akan mudah tersebar.
2. Tidak perlu menokok tambah berita yang diperoleh hanya untuk meningkatkan tahap kebolehpercayaan pengguna laman sosial yang lain terhadap kesahihan berita tersebut. Elakkan daripada menjadi pemangkin fitnah. Jika *nawaitu* hanya untuk ‘to spice things up’ maka adalah lebih baik dibatalkan sahaja tindakan itu.
3. Elakkan daripada membuat pernyataan angkuh seperti “...dia itu ada masalah. Sakit otak agaknya!”. Apakah interpretasi pengguna laman sosial yang lain terhadap pernyataan seperti ini? Adakah ia melambangkan keelokan budi bahasa penulis atau ia melambangkan masalah peribadi penulis? Pelbagai persepsi negatif akan mula tercetus daripada pernyataan seperti ini dan isu yang mulanya hanya sebesar zarah akan mula kelihatan besar dan kronik apabila ramai yang mengulas tentangnya. Ini adalah satu contoh bagaimana fitnah itu mudah terhasil dalam laman sosial.
4. Memastikan setiap nukilan atau gambar yang dipaparkan untuk pengguna laman sosial bertujuan untuk menyebar luas ilmu, memperlihatkan keagungan Yang Maha Esa, menginsafi diri sebagai hamba-Nya dan menasihati sesama insan. Jika nukilan itu bertujuan untuk menyerang peribadi, menjatuhkan maruah, membuka aib, memalukan pembesar negara, sahabat handai mahupun kaum keluarga, maka wajar dibatalkan sahaja nukilan yang demikian. Masalah tidak akan selesai dengan tindakan sedemikian. Malah ia akan menjadi barah yang akhirnya merosakkan masyarakat.

Sebagai pengguna laman sosial yang bijak, usahlah kita terlalu taksub dengannya sehingga mengalihkan pandangan kita daripada menatap al-Quran al-Karim. Kerana yang kita bawa mati nanti bukanlah senarai rakan di laman sosial tetapi senarai amal ibadat yang kita persiapkan untuk mengadap Yang Maha Esa.

#### Rujukan

- Ellison, N.B., Steinfield, C. & Lampe, C. 2007. The benefits of Facebook “friends”: Social capital and college students’ use of online social network sites. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 12, 1143-1168.
- Junco, R. 2012. The relationship between frequency of Facebook use, participation in Facebook activities and student engagement. *Computers and Education*, 58(1), 162-171.



Kim, J. & Lee, J.R. 2011. The Facebook paths to happiness: Effects of the number of Facebook friends and self-presentation on subjective well-being. *Cyberpsychology, Behavior and Social Networking*, 14(6), 359-364.

Nor Aishah Abdul Aziz, Mohd Zolkifli Abd Hamid, Nur ‘Ain Baharin & Ismail Saliyan. 2012. *Teknologi komunikasi maklumat: Wadah menerapkan nilai murni dalam pendidikan*. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012, 7-9 Oktober.

Paradies, A. & Sullivan, M. 2012. (In) Visible threats? The third-person effect in perceptions of the influence of Facebook. *Cyberpsychology, Behavior and Social Networking*, 15(1), 55-60.

Ridings, C. & Gefen, D. 2004. Virtual community attraction: Why people hang out online. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 10(1).

Valenzuela, S., Park, N. & Kee, K. 2009. Is there a social capital in a social network site?: Facebook use and college students’ life satisfaction, trust and participation. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 14(4), 875-901.

# Nano-Engineered Dynamic MicroCapsules (DynaMicCaps) for Triggered Drug Delivery Applications

Javeed Shaikh Mohammed, PhD  
 Faculty of Innovative Design & Technology, UniSZA  
 javeedsm@unisza.edu.my

Targeted and triggered delivery are of great importance for drug delivery applications [1], [2]. A variety of stimuli have been used to achieve triggered drug delivery including light, heat, ultrasound, magnetic field, pH, chemical species, etc. The Murphy group at UW-Madison has previously demonstrated biomarker triggered drug delivery from hydrogels based on nanoscale conformational changes of hinge motion protein calmodulin (CaM) [3]–[5]. However, there has been no report of triggered release from microcapsules, comprised of hinge motion proteins, when triggered with specific biochemical ligands. Our lab aims to develop nano-engineered Dynamic MicroCapsules (DynaMicCaps) using CaM as one of the building blocks.

Yan et al.[6] have previously reported deposition of planar films of CaM protein using LbL self-assembly onto the surface of a microcantilever. The cantilever deflected upon binding with  $\text{Ca}^{2+}$  ions indicating that CaM proteins embedded within multilayer nanofilms retained bio-responsiveness. We therefore hypothesize that the use of hinge motion proteins embedded in the microcapsule shell-walls will enable nanometer-scale hinge motion to be translated into microscopic changes in nanofilm structure and, in turn, lead to dynamic changes in microcapsule properties including volume, shape, and molecular release properties.




Figure 1. Illustration showing the different steps in the fabrication of DynaMicCaps

Figure 1 illustrates the different steps in the fabrication of DynaMicCaps. Calcium carbonate ( $\text{CaCO}_3$ ) microparticles (μparticles) are fabricated by rapidly mixing solutions of  $\text{CaCl}_2$  and  $\text{Na}_2\text{CO}_3$  under vigorously stirring at room temperature. Next, the well-established electrostatic layer-by-layer (LbL) self-assembly technique[7] is used to deposit multilayer nanofilms onto the  $\text{CaCO}_3$  μparticles. LbL self-assembly is a simple and versatile thin film deposition technique based on the alternate adsorption of oppositely charged polyelectrolytes with a reversal of surface charge after each step. The  $\text{CaCO}_3$  μparticles are negatively charged. Therefore, a positively (+ly) charged polyelectrolyte is deposited onto the  $\text{CaCO}_3$  μparticles followed by a negatively (-ly) charged polyelectrolyte. The LbL self-

assembly is used to deposit more polyelectrolyte nanofilms along with the negatively charged CaM protein film(s). Finally, the  $\text{CaCO}_3$  cores are dissolved using Ethylenediaminetetraacetic acid (EDTA) to form the hollow nano-engineered Dynamic MicroCapsules (DynaMicCaps). The shell-wall of the DynaMicCaps is comprised of multilayer polyelectrolyte nanofilms and CaM hinge motion proteins. Figure 2 illustrates the DynaMicCaps undergoing volume changes due to the nanoscale transformational changes in CaM proteins when triggered with a specific biochemical ligand such as Trifluoperazine (TFP). The triggered volume changes in DynaMicCaps can be used for release of drug loaded into the nano-engineered hollow microcarriers.




Figure 2. Illustration showing the DynaMicCaps undergoing volume changes due to nanoscale transformational changes in CaM proteins when triggered with a ligand

## References

- [C. P. McCoy, C. Brady, J. F. Cowley, S. M. McGlinchey, N. McGoldrick, D. J. Kinnear, G. P. Andrews, and D. S. Jones, 2010. "Triggered drug delivery from biomaterials," *Expert Opin. Drug Deliv.*, vol. 7, no. 5, pp. 605–616]
- [Y. H. Bae and K. Park, 2011. "Targeted drug delivery to tumors: myths, reality and possibility," *J. Controlled Release*, vol. 153, no. 3, p. 198.]
- [W. L. Murphy, 2011. "Emerging area: biomaterials that mimic and exploit protein motion," *Soft Matter*, vol. 7, pp. 3679–3688.]
- [W. J. King and W. L. Murphy, 2011. "Bioinspired conformational changes: an adaptable mechanism for bio-responsive protein delivery," *Polym. Chem.*, vol. 2, pp. 476–491.]
- [W. J. King, J. S. Mohammed, and W. L. Murphy, 2009. "Modulating growth factor release from hydrogels via a protein conformational change," *Soft Matter*, vol. 5, no. 12, pp. 2399–2406.]
- [X. Yan, K. Hill, H. Gao, and H.-F. Ji, Dec. 2006. "Surface Stress Changes Induced by the Conformational Change of Proteins," *Langmuir*, vol. 22, pp. 11241–11244.]
- [Y. Tan, U. H. Yildiz, W. Wei, J. H. Waite, and A. Miserez, Jun. 2013. "Layer-by-Layer Polyelectrolyte Deposition: A Mechanism for Forming Biocomposite Materials," *Biomacromolecules*, vol. 14, pp. 1715–1726.]

# CRIM Tinjau Potensi Pengkomersilan di Ladang UniSZA Kampus Tembila

Pada 3 Disember 2014, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) yang diketuai oleh Timbalan Pengarah (Inovasi), Dr. Khamsah Suryati Mohd bersama tiga Pegawai Penyelidik Sosial telah melakukan lawatan dan tinjauan di ladang UniSZA Kampus Tembila dan Pasir Akar, Besut. Lawatan yang turut disertai oleh Pengarah Institut Kajian Pengeluaran Makanan dan Inovasi Makanan (AGROPOLIS) Prof. Madya Dr. Abdul Jamil Zakaria bertujuan untuk melihat sendiri kebolehpasaran produk tanaman ladang dan ternakan UniSZA bagi tujuan pengkomersilan.

Menurut Dr. Abdul Jamil, ladang yang berkeluasan dua setengah hektar yang terletak di Kampus Tembila ini juga telah diusahakan dengan tanaman jagung dan labu oleh pelajar tahun satu dan tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi Pertanian (Kepujian). Proses penanaman hingga ke proses penuaian hanya mengambil masa tiga bulan, malah penggunaan baja kompos tinja haiwan serta NPK yang seimbang juga menyumbang ke arah penyuburan tanaman tersebut. Pihak AGROPOLIS juga telah mengaplikasikan teknik semburan *Effective Microorganism* (EM) bagi meningkatkan mutu dan kualiti tanaman.

Berdasarkan tinjauan pihak CRIM di ladang Pasir Akar, terdapat kira-kira 180 ekor kambing termasuk spesies Boer di ladang ini. Bagi menjimatkan kos pemakanan ternakan, pihak AGROPOLIS telah mengusahakan tanaman rumput *Napier* bagi menampung kos perbelanjaan di samping pemberian pellet sebagai sumber makanan utama.

Selain daripada produk hasil tanaman dan ternakan, Agropolis juga giat menjalankan aktiviti pengkomersilan hasil produk madu lebah dan kelulut. Menurut Pengarah AGROPOLIS, sehingga kini dianggarkan sebanyak RM4,000 keuntungan



telah diperoleh hasil daripada penjualan madu lebah, manakala kira-kira RM1,500 keuntungan bagi madu kelulut. Institut ini turut menjadi pembekal madu dan sarang lebah bagi tujuan penyelidikan. Justeru, pihak institut secara serius telah mewujudkan ladang kelulut Apiai yang melibatkan kawasan seluas 80 ekar dan merangkumi 40 sarang lebah kelulut.

Bagi mewujudkan kerjasama dengan masyarakat setempat, pihak Agropolis telah menjalankan usaha sama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli Zon Timur bagi tanaman cili padi di Kg. Sg. Berua, Kuala Berang, Terengganu. Kerjasama ini bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi masyarakat sekitar yang terlibat.

Hasil tinjauan pihak CRIM, kedua-dua projek ternakan dan tanaman yang diusahakan oleh pihak AGROPOLIS mempunyai potensi tinggi bagi tujuan pengkomersilan. Pihak CRIM juga memandang serius usaha program pembangunan dan kemajuan ladang UniSZA dengan mengadakan perbincangan lanjut bersama pihak-pihak tertentu bagi meningkatkan aktiviti pengkomersilan di UniSZA.





## PALAPES Udara UniSZA Johan Kawad Kaki



Pasukan PALAPES Udara UniSZA telah berjaya mendapat tempat ke-3 secara keseluruhan dalam Latihan Kem PALAPES Udara IPTA Tahun 2015 setelah berjaya mengumpul mata keseluruhan sebanyak 43,873 mata. Program yang disertai seramai 1,016 orang peserta terdiri daripada enam IPTA telah berkampung di UniSZA, Kampus Gong Badak selama 13 hari bermula 17 hingga 29 Januari 2015.

Pelbagai acara telah dipertandingkan dalam Latihan Kem PALAPES Udara IPTA Tahun 2015. Antara pertandingan tersebut ialah Pertandingan Jalan Lasak 10km, Karnival Sukan, Pertandingan Kawad Kaki dan Pertandingan Merentas Halangan. Peserta turut dibawa melawat ke Pengkalan Udara Gong Kedak.

Sebanyak tiga acara telah dipertandingkan dalam Karnival Sukan sempena Latihan Kem ini iaitu futsal (lelaki dan wanita), bola tampar dan bola jaring. Pasukan PALAPES Udara UniSZA telah menjuarai pertandingan bola jaring.

Pertandingan kawad kaki merupakan pertandingan atas ketenteraan bagi Latihan Kem Tahunan PALAPES Udara IPTA 2015. Bagi Pertandingan Kawad Kaki sempena Latihan Kem Tahunan PALAPES Udara IPTA 2015, pasukan PALAPES Udara UniSZA telah merangkul johan bagi tahun 2015. Lebih membanggakan, kejayaan ini merupakan kejayaan tiga tahun berturut-turut.

Majlis Perasmian Latihan Kem Tahunan PALAPES Udara IPTA Tahun 2015 ini telah disempurnakan oleh Naib Canselor UnisZA, YBhg. Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim dan dihadiri oleh Pengarah Jabatan Simpanan Tentera

Udara, Kol Mohd Suhaimi Haji Sahri serta pegawai-pegawai kehormat IPTA. "Saya berharap agar anggota PALAPES Udara menjadi contoh kepada mahasiswa di luar sana dalam semua aspek, tidak kira dalam pelajaran maupun ko-kurikulum yang disertai", kata beliau dalam ucapan perasmian tersebut.

Majlis Penutup Latihan Kem Tahunan PALAPES Udara IPTA Tahun 2015 pula disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Profesor Madya Dr. Nik Wan Omar. Majlis ini turut dihadiri oleh Brigedier Jeneral Ahmad Tarmizi Alias, TUDM Assistant Ketua Staf Tadbir, Kolonel Mohd Suhaimi Haji Sahri, TUDM Pengarah JPSTU dan Pegawai Kehormat PALAPES UniSZA.



## UniSZA Raih Anugerah Emas di Asia Pasific Quality Conference

UniSZA telah menyertai Pertandingan Asia Pacific Quality Conference ad Convensyen Team Excellence (ICC) Kebangsaan pada 22 hingga 26 November 2014 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). UniSZA telah menghantar tiga pasukan untuk bertanding dengan pasukan-pasukan dari organisasi yang lain. Dalam Asia Pacific Quality Conference ini, UniSZA telah diwakili oleh pasukan Uniq yang berjaya merangkul Anugerah Emas 3 Bintang. Dalam Konvensyen

Team Excellence (ICC) Kebangsaan, UniSZA diwakili oleh dua pasukan iaitu Brave dan Lucero. Pasukan Brave telah meraih Anugerah Emas 3 Bintang manakala pasukan Lucero telah mendapat Anugerah Emas 2 Bintang.

Diharapkan kejayaan-kejayaan yang diperoleh ini akan menaikkan semangat para peserta supaya meningkatkan hasil kreativiti mereka untuk pertandingan akan datang sekaligus menaikkan imej UniSZA di peringkat global.

# UniSZA shines at INNOVA 2014, Belgium



Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) won two gold medals, three silver and one special award at the International Exhibition of Innovation, Entrepreneurship and New Technologies (INNOVA) 2014 in Brussels Expo, Belgium. The prestigious event was held from 13-15 November 2014. UniSZA's contingent was led by CRIM's director, Associate Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman.

A self-automated wheelchair using Dijkstra's Algorithm and Artificial Neural Network to aid disabled people, invented by Azrul Amri Jamal from the Faculty of Informatics and Computing was awarded a gold medal. Another gold medal was conferred to Addy Putra Md Zulkifli from the Faculty of Design Arts and Engineering Technology for the invention of Hydryver, a device that helps hyperhydrosis patients to control the excessive flow of sweat under their palms.

Two more inventions, EVA Flo; a tool that allows the user to dry their shoes in a short time, even during wet days, and a multifunction aromatherapy lamp designed to support a modern gadget called Nobuzz Lamp, won silver medals. These two products were

invented by Nor Ziratul Aqma Norzaman and Shahrul Anuwar Mohamed Yusof, respectively. Both are from the Faculty of Design Arts and Engineering Technology.

Meanwhile, a product named EZ – Arabic by Mohd Firdaus Yahaya from the Faculty of Languages and Communication not only won a silver medal but was also awarded the Special INNOVA 2014 Award, a Prize of the Idea Monopoly by Belgium. EZ-Arabic is a virtual learning tool that enables teachers and students to learn Arabic. It facilitates learning enhancement through a variety of open-source tools such as Arabic e-books, educational games, audio-video learning aids, online translator, online chat-box for discussion, link of Arabic keyboard for computer, and links of various websites in learning Arabic for children.

The success of INNOVA 2014 was a first for UniSZA as this was the first time the university participated in the event. The exhibition, which lasted for three days was officiated by Belgium's Deputy Prime Minister. More than 200 inventions competed

for this year's awards, involving participation from private companies, research institutions and universities from more than 13 countries. The participation in this exhibition is significant as it can serve as a catalyst to further UniSZA's innovation and invention efforts. This event also showcases researcher's creativity and can market UniSZA's products globally, promoting UniSZA at the international level.



# 'Learn and Explore'

## Dedah Dunia Sebenar PDRM

Anggota Kor – Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Kor-SUKSIS), UniSZA telah mengadakan program *Learn and Explore* bertempat di ibu negara bermula 18 Disember 2014. Program yang berlangsung selama tiga hari dua malam itu disertai oleh 64 orang peserta dengan usaha sama daripada pihak Muzium Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Udara PDRM, AJK Surau Al-Falah, Cheras dan juga Rumah Anak Yatim Jalinan Kasih Taman Megah, Cheras, Kuala Lumpur.

Menurut Pengarah Program, Amirul Mukmin Arifin, tujuan utama pengajuran Program *Learn and Explore* ini ialah untuk memberi pendedahan kepada para anggota Kor-SUKSIS tentang kepelbagaiannya bidang kerja serta cabaran yang dihadapi oleh anggota PDRM. Tambahan lagi, program ini dapat mengeratkan hubungan dan kerjasama antara anggota Kor-SUKSIS UniSZA dengan PDRM serta pihak luar yang terlibat. Program ini juga dapat mendekatkan peserta di samping dengan masyarakat luar.

Menerusi program ini, para peserta mendapat maklumat tentang sejarah PDRM selain dapat melihat pelbagai pameran di Muzium

PDRM sejak ia ditubuhkan. Satu taklimat ringkas telah diadakan di Unit Gerakan Udara PDRM, Sungai Besi, Kuala Lumpur bagi memberi gambaran awal kepada peserta tentang senario kerja pasukan udara.

Lawatan banyak memberi maklumat penting tentang tanggungjawab berat yang digalas oleh PDRM bagi memastikan rakyat berbilang kaum di Malaysia dapat hidup dengan aman serta bebas daripada sebarang ancaman luar.

Para peserta diajar bagaimana untuk memanfaatkan masa lapang serta menanam sikap ringan tulang melalui aktiviti khidmat komuniti di Surau Al-Falah. Para peserta juga dapat berkongsi ilmu bermanfaat dengan Ustaz Hj. Husaini dan Tn. Hj. Sahibul Ghani yang merupakan ahli jawatankuasa surau berkenaan.

Khidmat komuniti diteruskan pada keesokan harinya di Rumah Jalinan Kasih Taman Mega. Aktiviti yang dijalankan berbentuk riadah dan santai seperti mewarna, menyanyi serta bersukan. Peserta juga berkongsi ilmu serta pengalaman pendidikan dan peluang dalam bidang kerjaya dengan anak-anak yatim di situ.



Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar hasil kerjasama daripada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Program ini ternyata telah memberi motivasi kepada peserta menerusi input berguna dalam aktiviti sepanjang program berkenaan untuk diaplikasikan dalam kehidupan bermasyarakat.





## FIK dan FTMK Intai Peluang Kerjasama

Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK), UniSZA Kampus Tembila telah menerima kunjungan daripada pihak Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) pada 15 Disember 2014. Delegasi dianggotai oleh Timbalan Dekan Akademik FTMK bersama 24 orang staf untuk melihat sistem akademik dan pentadbiran yang digunakan oleh FIK.

Menurut Dekan FIK, Dr. Syadiah Nor Wan Shamsuddin, kunjungan daripada delegasi UTeM ini bukan sahaja dapat memberi gambaran mengenai pengurusan pentadbiran dan akademik di FIK, malahan dapat sama-sama berkongsi mengenai pengurusan yang dilaksanakan di kedua-dua fakulti.

Lawatan kerja ini membolehkan kedua-dua pihak berkongsi dan membuat penambahbaikan dalam pengurusan sistem fail pelajar, staf dan aset, penambahbaikan sistem SMP/SMPS/OBE, pengendalian pelajar prasiswazah dan pascasiswazah, program mobiliti pelajar dan staf, lawatan ke makmal dan melihat peluang untuk berkolaborasi dalam perihal penyelidikan ataupun pentadbiran.

Sesi lawatan ini memberi maklumat tambahan mengenai pengurusan akademik dan pentadbiran sama ada kepada FTMK maupun FIK.



## Penyelidikan Berkualiti Fokus Utama FIK

Pakar bidang pendidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Mohamed Amin Embi telah dijemput oleh FIK, UniSZA untuk mengendalikan satu bengkel bagi memperkasa potensi pelajar siswazah mod eksekutif. Bengkel yang telah diadakan pada 17 Januari 2015 bertempat di Dewan Senat, UniSZA Kampus Gong Badak merupakan satu usaha untuk memenuhi tuntutan dan keperluan

dalam melahirkan lebih ramai pelajar lulusan PhD yang berkualiti.

Sasaran utama peserta bengkel ini adalah semua pensyarah atau penyelia FIK dan calon PhD dari program mod eksekutif. Pengisian bengkel ini melibatkan perbincangan tentang isu-isu e-Pembelajaran, pencerahan hala tuju e-Pembelajaran dalam konteks Pascasiswazah dan panduan kepada pelajar mod eksekutif mengenai

penyelidikan dalam e-pembelajaran.

Bengkel ini juga memberi ruang dan peluang kepada para pelajar siswazah mod eksekutif untuk berkongsi idea dan permasalahan serta mendapat tunjuk ajar bagi meningkatkan kualiti penyelidikan kajian mereka.

# Jejak Kasih Mangsa Banjir di Kelantan

Negara telah dikejutkan dengan bencana banjir besar yang melanda beberapa negeri di Semenanjung Malaysia. Negeri-negeri di pantai timur terutamanya Kelantan merupakan negeri yang paling teruk terjejas banjir. Banjir kali ini turut melibatkan 152 orang pelajar UniSZA dan seratus daripadanya pelajar UniSZA yang menetap di Kelantan.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa dan beberapa orang kakitangan UniSZA yang terdiri daripada staf akademik, staf bukan akademik dan pelajar UniSZA telah membuat lawatan ke rumah keluarga pelajar dan kawasan sekitar yang terlibat dengan banjir di Kelantan. Lawatan ini bertujuan untuk memberi bantuan seperti membersihkan kawasan rumah, menyampaikan sumbangan makanan, keperluan harian serta motivasi. Lawatan ini turut melibatkan kawasan sekitar kediaman keluarga pelajar seperti taska, surau dan kawasan perumahan yang terjejas akibat banjir.

Misi ini turut melibatkan Fakulti Biosumber dan Industri Makanan, Fakulti Bahasa dan Komunikasi dan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam. Ia dilaksanakan dalam tiga sesi dan diadakan di tiga tempat sebagaimana berikut.



Jadual 1 Senarai sesi, tarikh dan tempat pelaksanaan program

Sesi	Tarikh	Tempat
Sesi I	10 Januari 2015 (Sabtu)	Kuala Krai, Kelantan
Sesi II	17 Januari 2015 (Sabtu)	Tanah Merah, Kelantan
Sesi III	24 Januari 2015 (Sabtu)	Tumpat, Kelantan



Objektif program Misi Jejak Kasih 2015 ini adalah untuk melawat dan menyampaikan bantuan dari UniSZA bagi meringankan beban yang ditanggung oleh keluarga pelajar, memastikan motivasi pelajar terhadap pelajaran tidak terjejas akibat daripada masalah banjir yang dialami serta mengeratkan hubungan antara staf dan pelajar UniSZA.

Program ini dapat memupuk budaya kesukarelawan dalam kalangan warga UniSZA.

# Kursus Pengurusan Jenazah Bersama Komuniti Kuala Nerus

Dewasa ini, tidak ramai generasi muda Islam mampu menguruskan jenazah sekiranya terdapat kematian. Menyedari permasalahan ini, Kor – SUKSIS UniSZA telah menganjurkan Kursus Pengurusan Jenazah bersama komuniti Kampung Bukit Tok Beng, Kuala Nerus, Terengganu. Program ini telah diadakan pada 13 Disember 2014 bertempat di Masjid al-Abrar.

Program ini melibatkan pelajar Kokurikulum Kor – SUKSIS seramai 182 orang. Selain itu, pihak pengurusan Masjid al-Abrar juga terlibat sebagai wakil komuniti Kampung Bukit Tok Beng dalam usaha memberi pendedahan kepada para belia tentang tatacara pengurusan jenazah yang betul, seiring dengan syariat Islam.

Program ini mampu mendidik serta memberi kesedaran kepada generasi muda supaya meneruskan tanggungjawab fardhu kifayah ini.

Melalui program ini juga, peserta bukan sahaja dapat menjalin hubungan baik dengan masyarakat setempat malah turut dapat berkongsi ilmu berguna kepada semua yang terlibat. Pengisian utama program tersebut berkait dengan peringkat pertama pengurusan jenazah sehingga peringkat akhir iaitu mengkafarkan jenazah telah dikendalikan oleh Ustaz Sobir Sabri dari Pusat Islam, UniSZA selaku fasilitator jemputan.



Kursus ini terbahagi kepada dua slot utama iaitu teori dan praktikal kerana pengurusan jenazah memerlukan pengetahuan serta cara untuk menguruskannya. Sekiranya peserta hanya didedahkan secara teori sahaja, mereka pastinya tidak dapat melakukannya dengan baik dalam situasi yang sebenar. Semasa slot praktikal dijalankan, peserta telah diberi pendedahan mengenai cara memandi dan mengkafarkan mayat dengan betul.

Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan diharapkan dapat diteruskan pada masa akan datang.



## Lawatan Kerja

### Pusat Teknologi Maklumat UniSZA ke UPM dan UTeM

Pada 12 hingga 14 November 2014, Pusat Teknologi Maklumat, UniSZA telah mengadakan satu program lawatan kerja ke Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Program ini disertai oleh 35 orang kakitangan Pusat Teknologi Maklumat (PTM) yang terdiri daripada kakitangan semua bahagian.

Lawatan kerja ini diketuai oleh Timbalan Pengarah (Sistem Aplikasi & Multimedia), PTM, Encik Asnidzal Mohamad Jamel. Para peserta rombongan telah berkesempatan untuk berkongsi

pengalaman bersama Pengarah Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (IDEC), UPM, Prof. Madya Dr. Fatimah Sidi, serta Pengarah Pusat Komputer UTeM, Encik Mohd Isa Bin Mohd Dom.

Sesi soal jawab antara dua IPTA merupakan slot yang paling bermakna dan banyak memberi manfaat kepada kakitangan PTM, UniSZA. Kakitangan PTM berpeluang untuk bertanya secara terus dan berdialog dengan ketua pusat tanggungjawab yang menguruskan perkhidmatan teknologi maklumat di UPM dan UTeM.



Tujuan lawatan kerja ini diadakan ialah untuk menjalinkan hubungan kerja dan menimba pengalaman selain memberi ruang serta peluang kepada delegasi PTM UniSZA untuk berbincang dengan kakitangan IDEC UPM dan Pusat Komputer UTeM. Justeru, lawatan kerja dapat menambah pengalaman kakitangan PTM UniSZA dalam melaksanakan kerja rutin sehari-hari dengan lebih cemerlang.





## Lawatan Mahabbah Ko-Siswa UniSZA ke USM Pulau Pinang

Pada 11 dan 12 Disember 2014, Koperasi Siswa UniSZA telah mengadakan satu Lawatan Mahabbah ke Koperasi Siswa USM Pulau Pinang. Seramai 36 orang peserta terdiri daripada ahli lembaga koperasi dan ahli biasa telah menyertai program tersebut dirungi oleh seorang pegawai dari Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan UniSZA.

Lawatan ini diadakan khusus kepada anggota-anggota koperasi siswa UniSZA yang berminat dalam bidang keusahawanan dan berhasrat untuk membangunkan Koperasi Siswa UniSZA. Lawatan ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan dan pendekatan yang lebih luas kepada pelajar dalam bidang koperasi. Selain itu,

pelajar berpeluang untuk menimba ilmu pengetahuan dan berketrampilan dalam bidang keusahawanan koperasi.

Melalui maklum balas para peserta, mereka sangat berpuas hati dengan lawatan ini. Mereka juga sangat bersemangat untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan dan bersungguh-sungguh untuk memajukan Koperasi Siswa UniSZA..



# Nigerian High Commissioner to Malaysia Meets UniSZA Graduate Students



In conjunction with the conferment of the Degree of Doctor of Philosophy in Educational Leadership to the Kano State Governor, Engr. Dr. Rabiu Musa Kwankwaso at the 6<sup>th</sup> Convocation ceremony of Universiti Sultan Zainal Abidin, the International Student Centre (INTEC) hosted prominent delegates from Kano State, Nigeria as well as from the Nigerian High Commission in Kuala Lumpur, in a meeting with our Kano students currently pursuing their postgraduate studies at Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). The Nigerian entourage comprised Dr Umar Shehu Minjibir (Head of the Civil Service in Kano State, who represented His Excellency the Governor), His Excellency Ambassador Bello Shehu Ringim (High Commissioner of Nigeria in Malaysia), Adeniyi Oyemade (Counsellor of Education and Student Welfare at the Nigerian High Commission), and Abu Bakar Shehu Minjibir (Director of the Journalism Institute)

of Kano State). Meanwhile, UniSZA was represented by Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad (Deputy Vice Chancellor for Academic and International), Dr. Adam Abdullah (Director of the International Student Centre), Ahmad Taufik Hidayah Abdullah (Deputy Director of the International Student Centre), Prof. Dr. Mustafa Mamat (Dean of the Graduate School), Dr. Fatma Susilawati Mohamad (Deputy Dean of the Graduate School), and Cornelius Anuar Abdullah McAfee (Deputy Director, Corporate and International Communication Unit).

The session opened with warm welcoming remarks from the Deputy Vice Chancellor for Academic and International, who highlighted that significant progress was made by the students, and that their welfare had been taken care of by UniSZA. In his speech, Dr Umar Shehu Minjibir thanked and praised UniSZA for having taken care of their students during their studies here. He also emphasized that the current students from Kano at UniSZA are just the beginning and a sizeable



number of students are going to be sent again in the future as they find UniSZA a very conducive place to study. Meanwhile, the Nigerian High Commissioner to Malaysia, His Excellency Bello Shehu Ringim, also gave some positive comments and remarks about UniSZA based on the feedback given by the Kano students themselves.

During the session, the Kano students were represented by Muhammad Rabiu Danlami, who is also the Assistant Secretary for the International Students Society. He gave a speech on behalf of the Kano students studying at UniSZA. He thanked both the Kano State government for sending them to study at UniSZA, the Nigerian High Commission in Malaysia and above all the host university, UniSZA who has given them full assistance and provided a very conducive environment for learning.

The session was followed with high tea, hosted by our Vice Chancellor, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim, at his residence. It is hoped that this good relationship between the two countries, especially between the Kano State government and Universiti Sultan Zainal Abidin, will become a catalyst for more cooperation in the future.





## INTEC and ISS Farewell Dinner for Graduating Students

The International Student Centre (INTEC), UniSZA with cooperation of the International Student Society (ISS) successfully held a memorable farewell dinner for five international students who will complete their studies this year. The event was held on Tuesday, 13 January 2015 at Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu. The presence of international students from Kano-Nigeria, Thailand, Yemen, Cambodia and Indonesia made the event a memorable one.

The five graduating students included Rania Abdulwahab from Thailand who studying at the Faculty of Economics and Management Science, Karim bin Mohamad Nor, Sajarah Mohd Ali , and Muhammad Yahya, all from Cambodia, study at the Faculty of Islamic Contemporary Studies. Rowa Mohammed Yahia from Yemen, the only graduate student in the group, is finishing her PhD studies with the Faculty of Bioresources and Food Industry.

Many of these graduating students had been actively involved in ISS and its many activites. Rania Abdulwahab was the former treasurer (2013-2014), Sajarah bt Mohd Ali was the former secretary (2013-2014), Muhammad Yahya was the former president (2013-2014), Rowa Mohammed Yahia was the former vice president (2012-2013) and Karim Mohamad Nor himself was an active member of ISS.

Mr. Ahmad Taufik Hidayah Abdullah, Deputy Director of INTEC, was present on behalf of the Director, Dr. Adam Abdullah to give away certificates of appreciation in recognition of their active involvement with ISS over the years. Other international students joined the event, giving a fond farewell to their graduating colleagues by presenting gifts. The event continued with dinner and ended with a group photo session.



## UniSZA dan Pemerintah Kabupaten Aceh Barat Rancang Kajian Bersifat Eksplorasi

Tanggal 15 Mac 2015, bertempat di Dewan Senat, UniSZA julung-julung kalinya menerima kunjungan daripada wakil Pemerintah Aceh Barat dan Rektor Universitas Teuku Umar, Aceh Barat. Kunjungan tersebut bertujuan untuk mengadakan rundingan dan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi menjalankan kajian peringkat serantau.

Kajian peringkat serantau yang bersifat eksplorasi di Aceh itu akan diadakan antara UniSZA dengan Universitas Teuku Umar Aceh Barat

dan Pemerintah Daerah Kabupaten Aceh Barat pada tahun depan. Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim berkata hasil daripada kajian eksplorasi itu nanti akan didokumentasikan bagi membantu pembangunan wilayah berkenaan selain sebagai bahan penerbitan ilmiah berbentuk buku, filem serta jurnal untuk rujukan pelajarnya.

“Sebenarnya banyak yang perlu kita pelajari di Wilayah Aceh Barat kerana mereka mempunyai pelbagai khazanah yang belum diteroka terutama dalam bidang sains dan

lain-lainnya. “Saya kira memorandum persefahaman (MoU) yang kita tandatangani hari ini merupakan satu pembuka jalan ke arah memudahkan segala urusan antara kedua-dua belah pihak pada masa akan datang,” katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani MoU antara UniSZA dengan Pemerintah Daerah Kabupaten Aceh Barat.

Dalam majlis tersebut, Naib Canselor mewakili UniSZA dengan disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniSZA Prof. Madya Dr Nik Wan Omar manakala Pemerintah Aceh Barat diwakili Drs Rahmat Fitri yang mewakili Bupati Aceh Barat dan disaksikan Rektor Universitas Teuku Umar, Aceh Barat, Prof. Dr Jasman Ma'ruf. Naib Canselor berkata sebenarnya beliau telah pun menjalankan satu kajian bersifat pembangunan pelancongan di Aceh Barat dan akan diteruskan serta diperluas, bukan sekadar sektor pelancongan tetapi juga berkaitan bidang kebudayaan, kemasyarakatan, agama, sosial, ekonomi dan sebagainya.



Katanya, kajian yang bersifat komprehensif akan dijalankan oleh kedua-dua pihak supaya ia menjadi bahan dokumentari yang sangat penting kepada pelajar di pelbagai peringkat bagi kedua-dua negara serumpun itu. UniSZA bersedia memberi keistimewaan dari segi yuran pengajian kepada pelajar Aceh yang sedang belajar di UniSZA. Menurut beliau, adalah memang menjadi dasar UniSZA untuk memberi perhatian kepada semua pelajar yang memerlukan bantuan termasuk dari Aceh. Ketika ini, seramai sepuluh orang pelajar Aceh telah mengikuti pengajian di UniSZA manakala seramai 15 orang lagi akan mendaftar sebagai pelajar pascasiswazah.

Sementara itu, Drs. Rahmat Fitri berkata, MoU yang ditandatangani kedua-dua pihak itu berupaya mengerat hubungan yang sedia terjalin antara UniSZA dengan Pemerintah Daerah Kabupaten Aceh Barat. Menerusi perjanjian persefahaman itu, adalah menjadi harapan pemerintah Aceh Barat agar dapatahirkan sumber manusia yang berkualiti dan pendidikan bagi membantu membangunkan negerinya.



## Atlet UniSZA Bantu Malaysia Menduduki Tempat Ketiga

Sukan Universiti ASEAN yang ke-17 atau lebih dikenali dengan *ASEAN University Games* telah berlangsung pada 10 hingga 21 Disember 2014 di Palembang, Indonesia. Tema Sukan Universiti ASEAN pada tahun ini ialah *Sportivity for Unity*. Bersesuaian dengan tema ini, seramai 332 atlet telah dihantar untuk mewakili Malaysia bagi menyertai 20 acara sukan yang dipertandingkan. Seramai sepuluh orang pelajar UniSZA daripada 332 atlet Malaysia telah mewakili negara dalam empat acara sukan iaitu memanah, karate, futsal dan bola tampar pantai.

Enam orang atlet untuk memanah ialah Muhammad Shaifuddin Mohd

Kamro, Lutfil Hadi Mohd Yusof, Siti Nur Asiah Mahmod, Azuanis Abdullah, Fatin Nadira Hassin dan Muhamad Syukri Zakaria. Acara Karate pula diwakili oleh Nasuha Najmi dan Noor Azizan Nor Azli manakala futsal pula diwakili oleh Muhammad Izman Solehin Rohadi. Ahmad Shafwan Ahmad Zulkifli pula mewakili UniSZA dalam acara bola tampar pantai.

Pasukan memanah telah menyumbang sebanyak empat emas, tiga perak dan dua gangsa, manakala pasukan karate telah menyumbang sebanyak dua gangsa dan satu gangsa lagi daripada pasukan futsal. Bagi acara bola tampar pantai,

pasukan UniSZA hanya mendapat tempat kelima. Walau bagaimanapun, secara tidak langsung, atlet UniSZA telah membantu Malaysia dalam kutipan pingat untuk penentuan kedudukan keseluruhan. Malaysia telah berjaya mengutip sebanyak 40 pingat emas, 42 perak dan 49 gangsa. Kejayaan ini telah meletakkan Malaysia berada di kedudukan ketiga selepas Indonesia dan Thailand.

Kejayaan sebegini dapat meningkatkan semangat atlet UniSZA untuk meneruskan legasi sedia ada dalam membantu menaikkan nama UniSZA di peringkat yang lebih tinggi.

## Pasukan Bola Sepak UniSZA Gondol Perak dalam ISSC 2014



Tanggal 19 hingga 21 Disember 2014, UniSZA telah menghantar tiga pasukan ke kejohanan *International Student Sports Carnival* 2014 (ISSC). Kejohanan ini telah berlangsung di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Putrajaya.

ISSC ini diadakan untuk memberi peluang kepada pelajar antarabangsa mengeratkan hubungan silaturahim dengan pelajar tempatan dalam satu komuniti di seluruh Malaysia. Sebanyak 22 IPT telah menghantar pasukan mereka untuk menyertai kejohanan ini. Secara tidak langsung, pelajar dari semua IPT dapat bertemu dan menunjukkan kemahiran masing-masing dalam sukan yang dipertandingkan.

Terdapat tujuh kategori sukan yang dipertandingkan iaitu bola tampar, badminton, futsal, *indoor rowing*, tenis, bola sepak dan *road relay*. Bagi menyahut cabaran ini, UniSZA telah menghantar tiga pasukan untuk menyertai kejohanan ini iaitu pasukan bola sepak, bola tampar dan juga olahraga.

Pasukan UniSZA telah berjaya membawa pulang satu pingat perak dalam acara bola sepak dan satu pingat gangsa dalam acara *road relay* (olahraga).

Kejayaan sebegini diharap dapat meningkatkan lagi semangat atlet UniSZA untuk meningkatkan tahap permainan dalam membantu menaikkan nama UniSZA melalui kejohanan sukan sebegini.





# VISI

Universiti Pilihan Tersohor di Persada Dunia

# MISI

Menzahirkan insan berperadaban dan berkemahiran teknologi pengurusan melalui kecemerlangan akademik dan keterlibatan komuniti



# NILAI TERAS


- i. Beretika dan berakhlik
- ii. Kompeten dan berkemahiran
- iii. Profesional
- iv. Permuafakatan
- v. Kreatif dan inovatif
- vi. Fokus pelanggan
- vii. Keber tanggungjawaban
- viii. Kecaknaan dan kekitaan
- ix. Kebolehpercayaan

# NIC MOTTO

Peradaban Insan dan Teknologi Pengurusan

Ilmu Demi Faedah Insan






### Bahasa al-Quran: Yang Tersurat dan Tersirat

Penyunting: Zulazhan Ab. Halim, Mohd Hazli Yah@Alias, Mohd Shahrizal Nasir, Mohd Fauzi Abdul Hamid  
ISBN: 978-983-9842-85-2


Perbincangan mengenai kandungan al-Quran menerusi pelbagai aspek tidak pernah terhenti sejak berzaman. Situasi ini menyerlahkan kehebatan al-Quran yang terus relevan sejak ia diturunkan sehingga penghujung hayat dunia ini. Usaha menggali dan mengkaji khazanah mutiara al-Quran perlu diteruskan agar faedahnya dapat dimanfaatkan oleh semua pihak. Buku ini mengandungi lapan bab yang menghuraikan topik berkaitan linguistik dan *balaghah* al-Quran. Perbincangan merangkumi aspek berkenaan perkataan dan juga ayat al-Quran. Hal ini menunjukkan kandungan al-Quran saling lengkap melengkapi dalam menyerlahkan makna yang ditentukan oleh Allah s.w.t.. Setiap perbincangan memfokus kepada bidang bahasa, selain ia semestinya disandarkan kepada kitab-kitab tafsir muktabar dan pandangan ulama bidang tafsir. Hal ini penting untuk dinyatakan agar fokus utama buku ini dapat dilihat secara jelas iaitu sebagai sebuah bahan bacaan ilmiah yang membincangkan perihal *al-Ijaz al-Lughawi wa al-Bayani* dalam al-Quran. Penyusunan bab-bab dalam buku ini dibuat secara sistematik iaitu dimulai dengan perbincangan mengenai perkataan, ayat, laras bahasa dalam al-Quran dan diakhiri dengan tajuk *balaghah* al-Quran. Kesemua tajuk yang terkandung dalam buku ini sesuai untuk dijadikan salah satu rujukan ilmiah sama ada bagi mereka yang berada dalam bidang pengajian bahasa Arab mahupun bidang pengajian Islam. Justeru, diharapkan buku ini dapat membantu para pembacanya dalam memahami tajuk-tajuk yang dibincangkan, selain dapat membuka ruang penerokaan baharu bagi tajuk-tajuk lain dalam bidang linguistik dan *balaghah* al-Quran.



### Gharar dalam Kontrak Derivatif Komoditi

Penulis: Nadhirah Nordin  
ISBN: 978-967-12613-2-3

*Gharar* boleh didefinisikan sebagai suatu unsur ketidakpastian yang terdapat dalam kontrak. Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama mengenai hukum kontrak yang mengandungi unsur *gharar*. Perbezaan pendapat berlaku akibat daripada perbezaan tafsiran kepada maksud dan keadaan *gharar* serta perbezaan pendapat dalam kalangan ulama untuk memberi hukum bagi kontrak *gharar* yang berada di pertengahan (*mutawassit*) antara unsur *gharar* yang melampau (*gharar fahish*) dengan unsur *gharar* yang sedikit (*gharar yasir*). Justeru, timbul persoalan keharusan kontrak semasa yang tiada dalam perundangan Islam seperti kontrak derivatif apabila kontrak ini dikaitkan dengan isu *gharar*. Sampel buku ini ialah kontrak derivatif komoditi aset pendasar minyak sawit mentah. Hasil perbincangan menunjukkan wujud unsur *gharar* dalam kontrak derivatif. Namun, berdasarkan analisis terhadap parameter *gharar*, unsur-unsur *gharar* tersebut tidak meninggalkan kesan atau tidak membatalkan semua kontrak derivatif. Walau bagaimanapun, terdapat unsur-unsur lain seperti spekulasi, perjudian dan riba yang boleh menyebabkan kontrak tersebut tidak menepati prinsip syariah.



### Isu Kontemporari Pendidikan al-Quran

Penyunting: Ab. Aziz Sulaiman, Syed Hadzrullah Syed Omar, Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Jamaluddin Hashim & Zulkifli Mohd  
ISBN: 978-983-9842-82-1

Pendidikan merupakan teras utama dalam agama Islam. Hal ini jelas dinyatakan dalam ayat pertama yang diturunkan oleh Allah kepada rasul-Nya Muhammad s.a.w.. Ayat tersebut memerintahkan manusia supaya membaca lantaran membaca merupakan satu kaedah dalam menuntut ilmu. Seterusnya ayat itu juga membawa mesej bahawa pendidikan perlu menfokuskan usaha untuk menghasilkan insan yang memahami fungsinya sebagai hamba Allah dan juga khalifah Allah di muka bumi. Islam menyedari bahawa pendidikan berkualiti sahajalah yang mampu melahirkan individu-individu yang beradab dan bermoral, yang memberi manfaat bukan hanya kepada diri sendiri malah keluarga, masyarakat, negara serta ummah seluruhnya. Justeru, tidak hairanlah Islam meletakkan ilmu itu lebih mulia daripada harta manakala orang yang berilmu pula diangkat ke derjat yang lebih tinggi berbanding dengan orang yang tidak berilmu.